



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 12 MEI 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8.	PESAWAH KEMUKA TIGA TUNTUTAN KEPADA MAFI, HM -ONLINE MAFI SASAR PENGURANGAN 30 PERATUS IMPORT MAKANAN TERNAKAN, SH -ONLINE 13,350 HEKTAR SAWAH DIKHUATIRI TERJEJAS, SH -ONLINE 100 PESAWAH KEMUKA TIGA TUNTUTAN ISU PADI, NEGARA, KOSMO -6 SELESAI SEGERA TIGA TUNTUTAN PESAWAH, NEGERI SELANGOR, SH -23 MAFI JANGKA PERLU 15 TAHUN STABILKAN INDUSTRI JAGUNG BIJIAN, NASIONAL, BH -3 SUBSIDI BUAT 2,255 PENTERNAK AYAM, LOKAL, HM -12 MAJLIS RAYA, KELANTAN KINI, HARAHAH -23	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
9. 10.	BATAL AP, MUKA DEPAN, HM -1 BATAL PERMIT AP JIKA TAK PATUH PROSEDUR, LOKAL, HM -8	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
11. 12. 13. 14.	RUNTUHAN BAN MADA BERI KESAN KESELAMATAN MAKANAN NEGARA, UM -ONLINE BAN RUNTUH BOLEH JEJAS KESELAMATAN MAKANAN NEGARA, KATA MB KEDAH, THE MALAYSIAN INSIGHT -ONLINE 13,350 HEKTAR SAWAH PADI TERANCAM, NEGERI KEDAH, SH -25 RUNTUHAN BAN MADA DIBAIKI SEGERA, KOS RM1.8 JUTA, UTARA, HARAHAH -16	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
15.	AGROBANK MODENKAN SISTEM PERBANKAN, BISNES, HM -21	AGROBANK
16. 17. 18.	HARGA DEDAK NAIK LAGI, PENTERNAK TERUS TERHIMPIT, DALAM NEGERI, UM -30 HARGA SAYUR NAIK MELAMBUNG, NEGARA, KOSMO -16 CREATE INTERCONNECTED FOOD CHAINS, NEWS/OPINION, NST -12	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/5/2022	HARIAN METRO	ONLINE	

Pesawah kemuka tiga tuntutan kepada MAFI [METROTV]



Sekinchan: Cuaca mendung tidak menghalang hampir 100 pesawah berhimpun dalam demonstrasi aman di Site B, di sini, hari ini.

Demonstrasi bermula kira-kira 11.30 pagi itu turut disertai pesawah dari Tanjong Karang dan Sabak Bernam serta Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sekinchan, Ng Suee Lim.

Mereka mengemukakan tiga tuntutan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) iaitu menaikkan harga jaminan padi dari RM 1,200 kepada RM 1,400; kembalikan potongan basah 17 peratus dan menaikkan subsidi padi dari RM 360 kepada RM 500.

Suee Lim berkata, pesawah melahirkan rasa tidak puas hati apabila harga padi turun daripada RM1,300 kepada RM1,280 satu tan metrik.

Beliau berkata, keadaan itu mengakibatkan golongan berkenaan tertekan kerana pendapatan mereka terjejas pada musim kali ini.

"Jika kerajaan bersedia melaksanakan gaji minimum RM 1,500, sudah tentu nasib dan taraf hidup pesawah juga perlu diberi perhatian serius.

"Pelaksanaan ini (gaji minimum) disambut baik, tetapi bagaimana dengan nasib pesawah yang berkorban demi negara lebih-lebih lagi pendapatan mereka secara purata hanya RM1,000 sebulan.

"Pendapatan yang diperoleh sudah tentu tidak mencukupi untuk menyara keluarga yang ketika ini berdepan kos sara hidup tinggi," katanya pada sidang media selepas demonstrasi itu, hari ini.

SERAMA 100 pesawah menyertai demonstrasi aman bagi mengemukakan tiga tuntutan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) di Site B, hari ini. FOTO Amirul Aiman Hamsuddin



Hadir sama, Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras Negeri Selangor, Mohammad Ashik Abdul Rahman.

Menurutnya, pesawah turut berdepan pemotongan padi yang tinggi hingga melebihi 28 peratus.

"Kerajaan harus mengurangkan pemotongan pemotongan padi kembali kepada 17 peratus dan bukannya 20, 25 atau 30 peratus ketika ini.

"Selain itu, subsidi padi juga perlu dinaikkan daripada RM360 tan metrik kepada RM500 tan metrik. Ini bagi membantu pesawah yang mengerah keringat dan membanting tulang dalam memastikan jaminan bekalan makanan negara mencukupi," katanya.

Ng berkata, beliau sudah menghantar surat kepada MAFI sejak dua hari lalu bagi memastikan ada penyelesaian berhubung perkara itu.

Dalam pada itu, seorang pesawah, Sabli Sobron, 60, berkata, peningkatan kos input pertanian membebankan mereka terutama dalam keadaan harga padi menurun dan pemotongan pemutuan tinggi.

"Berlaku pengurangan hasil pengeluaran pada tahun ini disebabkan peningkatan kos pertanian selain harga baja dan racun naik sekali atau dua kali ganda.

"Keadaan ini sekali gus merisaukan kami yang bergantung penuh kepada sumber pendapatan ini," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/5/2022	SINAR HARIAN	ONLINE	

MAFI sasar pengurangan 30 peratus import makanan ternakan



MAFI menyasarkan pengurangan import makanan ternakan sebanyak 30 peratus menjelang tahun 2030. - Gambar hiasan

PADANG BESAR - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyasarkan pengurangan import makanan ternakan sebanyak 30 peratus menjelang tahun 2030 menerusi Projek Pembangunan Industri Jagung Bijian untuk makanan ternakan.

Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) MAFI, Datuk Badrul Hisham Mohd berkata, buat masa ini, Malaysia mengimport sekitar 4 juta tan matrik jagung bijian dengan nilai lebih kurang RM6.2 bilion setahun.

Beliau berkata, bagi mencapai sasaran itu, keluasan tanah yang besar diperlukan untuk melaksanakan tanaman jagung bijian yang dilihat dapat menjadi sumber kekayaan baharu buat pemain industri di negara ini.

"Buat masa ini kami sedang berusaha membawa bersama pemain industri komoditi besar untuk terlibat dalam tanaman jagung bijian ini.

"Kami turut berbincang dengan pemain industri sawit supaya dapat memperuntukkan 10 peratus daripada tanah mereka untuk melaksanakan tanaman jagung bijian," katanya selepas Program Tinjauan Mesra Penunaian Jagung Bijian di Lembah Chuping di sini, hari ini.

Hadir sama dalam program itu Ketua Pengarah Jabatan Pertanian Malaysia, Datuk Zahimi Hassan; Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veteriner, Datuk Dr Norlizan Mohd Noor dan Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan) Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Dr Mohammad Kamal Abdul Kadir.

Badrul berkata, MAFI melihat terdapat keperluan cukup tinggi untuk kerajaan mencari formula baharu bagi mengatasi masalah pengimportan jagung bijian yang sangat tinggi dari luar negara.

"Jadi dalam menjayakan usaha ini kerajaan tidak boleh bersendirian, sebab itu kami perlu bawa pemain industri untuk sama-sama terlibat dalam penanaman jagung bijian ini," katanya.

Dalam pada itu, Badrul berkata, usaha bagi mengurangkan kebergantungan terhadap pengimportan jagung bijian telah dimulakan sejak 2015 lagi dan mengambil tempoh sekurang-kurangnya 15 tahun dengan tiga fasa pelaksanaan.

Menurutnya, tempoh yang panjang diperlukan bagi membolehkan penelitian dan kajian dibuat bersama pihak berkepentingan, sekali gus mewujudkan sebuah industri yang stabil.

"Kami kini berada di penghujung fasa rintis selama lima tahun bermula 2015 sehingga 2022 dan selepas itu akan beralih ke fasa pengukuhan serta pengembangan.

"Sepanjang tempoh ini, kami menilai pelbagai aspek yang perlu diberi perhatian antaranya kaedah penanaman, penggunaan benih yang sesuai, cuaca, kawalan kualiti dan pelbagai lagi," katanya.

Beliau berkata, sekiranya kerajaan dapat menyelesaikan isu bekalan makanan untuk ternakan, rakyat pasti akan mendapat manfaat daripadanya di samping mengurangkan perbelanjaan pemberian subsidi. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/5/2022	SINAR HARIAN	ONLINE	

13,350 hektar sawah dikhuatiri terjejas



Keadaan runtuh ban terusan tengah di Sungai Santap hingga menyebabkan gangguan bekalan air di beberapa daerah di Kedah.

ALOR SETAR – Kira-kira 13,350 hektar sawah padi dikhuatiri terjejas sekiranya runtuh ban kanan Terusan Tengah di Sungai Santap di sini, pada Isnin lepas tidak dibaiki segera.

Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor melahirkan kebimbangan penyusutan paras air akan terus berlaku selagi pembaikan semula tidak dilaksanakan.

“Jadi, saya mohon kejadian runtuh ban ini diberi perhatian juga oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan Majlis Keselamatan Negara.

“Ia disebabkan berlaku penyusutan paras air selagi tidak dibaiki runtuh ban, sekaligus akan menjejaskan 13,350 hektar sawah padi,” katanya kepada pemberita pada sidang media selepas Mesyuarat Exco Kedah di Wisma Darul Aman dekat sini, pada Rabu.

Muhammad Sanusi berkata, seramai 40,000 petani dengan pengeluaran hasil padi mencecah puluhan ribu tan dikhuatiri terjejas akibat runtuh ban tersebut.

“Ketika ini musim menanam padi dan musim untuk air masuk ke petak sawah di Kedah. Kerja membina sekatan sementara bagi meningkatkan paras 1 meter (m) air hanya untuk air Syarikat Air Darul Aman (SADA), manakala untuk sawah padi melibatkan kerja pembaikan lain.

“Jadi kena baiki dengan kos antara RM1.5 hingga RM1.8 juta. Itu anggaran awal. Tapi jikalau kita nak ban lebih kukuh memandangkan ia lokasi pengaliran air,” katanya.

Menurutnya, agensi terlibat melakukan segera kerja pembaikan semula ban runtuh dengan struktur lebih kukuh, kemas dan tinggi.

“Jadi, MAFI dan MKN perlu melihat isu ini kerana ia melibatkan keselamatan makanan negara, lagipun 13,350 hektar sawah padi ini merupakan satu per tiga dari kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA),” katanya.

Katanya, kerja membatel dilakukan pada Selasa yang untuk melimpah air masuk ke terusan tengah pada paras yang membenarkan Loji Rawatan Air (LRA) beroperasi.

“Selepas itu, kita perlu usahakan supaya air boleh dipam masuk ke sawah padi pula. Kerja-kerja pembaikan ban perlu siap dalam tempoh dua minggu bagi memastikan tiada sawah padi yang akan terjejas akibat runtuh ban itu.

"Jikalau kita tidak baiki dalam tempoh berkenaan, mungkin padi akan rosak. Jadi, kena perbaiki dalam masa sebelum dua minggu," katanya.

Dalam perkembangan sama, Muhammad Sanusi memberitahu, gangguan bekalan air di daerah Pokok Sena dan Kota Setar berpunca dari runtuh ban kanan Terusan Tengah di Sungai Santap di sini, makin pulih secara berperingkat.

Beliau menyatakan, setakat ini hanya 38,500 pengguna akaun Syarikat Air Darul Aman (SADA) masih mengalami gangguan bekalan air.

Mengulas lanjut katanya, kerja-kerja pembinaan ban sementara MADA siap pada jam 12.25 tengah malam dan bekalan air mentah daripada terusan telah dilepaskan.

"LRA Bukit Pinang dan LRA Jenun Baru beroperasi sepenuhnya, manakala LRA Jenun Lama telah beroperasi 70 peratus.

"Bagi LRA Pokok Sena, tinjauan mendapati berlaku sedikit peningkatan paras pengambilan air dan kerja pengoperasian loji sedang dilaksanakan 50 peratus.

"Lori tangki, tangka statik dan 'jumbo tanker' telah diletakkan di beberapa kawasan seperti Masjid Pokok Pauh, Kubur Panjang; Simpang Tiga, Bukit Payung; Masjid Kampung Kolam, Jalan Kebun 500; Jalan Pancur, Pokok Sena; Taman Bandar Baharu, Pokok Sena dan Masjid Kuala Pai, Bukit Tembaga," katanya.



ANTARA pesawah yang mengemukakan tuntutan menerusi bantahan aman di Sekinchan semalam.

100 pesawah kemuka tiga tuntutan isu padi

SABAK BERNAM – Kira-kira 100 pesawah di Sekinchan dan Sungai Burong, di sini mengemukakan tiga tuntutan berkaitan isu padi kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

Kesemua tuntutan iaitu menggesa MAFI menaikkan harga padi, mengembalikan pemutuan padi sebanyak 17 peratus dan menaikkan subsidi padi dilakukan dalam bantahan aman yang turut disertai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sekinchan, Ng Suee Lim di Site B Sekinchan pukul 11.30 pagi semalam.

Suee Lim yang juga Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor berkata, semua pesawah itu tidak berpuas hati kerana terkesan dengan harga padi yang menurun daripada RM1,300 kepada RM1,280 bagi satu tan metrik.

"Mereka tampil berkumpul kerana tertekan dengan penurunan harga padi yang menjelaskan pendapatan mereka musim ini.

"Pendapatan mereka secara purata hanya RM1,000 sebulan dan tidak mencukupi untuk menyara keluarga yang berdepan kos sara hidup tinggi," katanya ketika ditemui pada sidang akhbar selepas himpu-

nan tersebut semalam.

Kata Suee Lim, pesawah turut dihimpit tekanan apabila berdepan pemutuan padi yang tinggi sehingga melebihi 28 peratus.

"Kerajaan perlu mengurangkan semula pemotongan pemutuan padi kepada 17 peratus dan bukannya 20, 25 atau 30 peratus ketika ini.

"Selain itu, subsidi padi pesawah daripada RM360 satu tan metrik kepada RM500 harus dipertimbangkan," ujarnya selain menambah surat berhubung tuntutan telah dihantar kepada MAFI.

Bagi pesawah di Sungai Burong, Sabli Sobron, 60, peningkatan kos input pertanian membebankan pesawah apatah lagi dalam keadaan harga padi menurun dan pemotongan pemutuan tinggi.

"Terdapat pengurangan hasil pengeluaran pada tahun ini kerana faktor peningkatan kos pertanian terutama harga baja dan racun," jelasnya.

Sementara itu, Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras Selangor, Mohammad Ashik Abdul Rahman berkata, pihaknya akan memanggil kilang padi tempatan bagi membantu menyelesaikan isu harga padi dan pemotongan pemutuannya.

Selesai segera tiga tuntutan pesawah

Peningkatan kos input pertanian sangat membebankan, jejas pendapatan pesawah

Oleh **MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR**

SEKINCHAN

Kira-kira 100 pesawah di Sungai Burong dan Sekinchan mengadakan bantahan aman bagi menggesa Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyelesaikan tiga tuntutan.

Perhimpunan bermula pada jam 11.30 pagi itu berlangsung kira-kira 10 minit yang turut disertai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sekinchan, Ng Suee Lim itu menyatakan tiga tuntutan iaitu menggesa MAFI menaikkan harga padi, mengembalikan pemutuan padi 17 peratus dan menaikkan subsidi padi.

Suee Lim berkata, perhimpunan itu diadakan bagi melahirkan rasa tidak puas hati pesawah yang terkesan dengan harga padi yang menurun dengan pada RM1,300 kepada RM1,280 satu tan metrik.

“Pesawah hari ini tampil ke hadapan dengan satu hasrat bagi menyatakan rasa tertekan mereka

apabila harga padi menurun hingga menjejaskan pendapatan mereka pada musim ini,” katanya pada sidang akhbar selepas perhimpunan di Site B Sekinchan di sini pada Rabu.

Suee Lim yang juga Speaker DUN Selangor berkata, jika kerajaan bersedia melaksanakan gaji minimum sudah tentu nasib dan taraf hidup pesawah juga perlu diberi perhatian serius.

“Pelaksanaan gaji minimum daripada RM1,200 kepada RM1,500 sesuatu yang disambut baik, tetapi bagaimana nasib pesawah kita yang berkorban demi negara lebih-lebih lagi pendapatan mereka secara purata hanyalah RM1,000 sebulan.

“Pendapatan yang diperoleh mereka ini sudah tentu tidak mencukupi untuk menyara keluarga yang ketika ini berdepan kos sara hidup tinggi,” jelasnya.

Beliau memberitahu, selain

isu harga padi, pesawah terus dihimpit tekanan apabila berdepan dengan pemutuan padi yang tinggi hingga melebihi 28 peratus.

“Kami mendesak kerajaan mengurangkan pemotongan pemutuan padi kembali kepada 17 peratus dan bukannya 20, 25 atau 30 peratus pada masa sekarang,” ujarnya.

Menurut Suee Lim, kerajaan juga diminta mempertingkatkan untuk menaikkan subsidi padi kepada pesawah daripada RM360 satu tan metrik kepada RM500 tan metrik.

“Kenaikan itu wajar bagi membantu pesawah yang selama ini mengherang keringat dan membanting tulang bagi memastikan jaminan bekalan makanan negara mencukupi.



Suee Lim (tengah) bersama-sama pesawah berhimpun bagi mendesak MAFI menyelesaikan tiga tuntutan diutarakan pesawah pada Rabu.

“Kita meminta tiga tuntutan ini dan saya sendiri sudah menghantar surat kepada MAFI sejak dua hari lalu bagi memastikan ada jalan penyelesaian berhubung perkara ini,” katanya.

Seorang pesawah di Sungai Burong, Sabli Sobron, 60, berkata, peningkatan kos input pertanian membebankan pesawah lebih dalam keadaan harga padi menurun dan pemotongan pemutuan tinggi.

Katanya, terdapat pengurangan hasil pengeluaran pada tahun ini disebabkan peningkatan kos pertanian.

“Harga baja dan racun naik sekali atau dua kali ganda dan amat merosakkan kami yang bergantung sepenuhnya kepada sumbu-ber pendapatan tersebut,” jelasnya.

Seorang lagi pesawah, Muhammad Osman, 56, dari Parit 4 berkata, pengeluaran padinya terjejas teruk daripada memperoleh purata 10 tan metrik tahun sebelumnya berbanding enam tan metrik musim ini,” katanya.

Sementara itu, Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras Negeri Selangor, Mohammad Ashik Abdul Rahman berkata, perkara dan aduan daripada pesawah itu wajar dan berasas selain akan memajukan perkara itu kepada pihak tertinggi.

Katanya, berhubung harga padi dan pemotongan pemutuan pula pihaknya akan memanggil kilang padi tempatan bagi membantu menyelesaikan perkara itu.

“Mungkin minggu ini atau minggu depan kita akan berbincang dengan pengilang mengenai harga padi dan pemotongan pemutuan bagi mengurangkan keresahan pesawah,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/5/2022	BERITA HARIAN	ONLINE	

MAFI jangka perlu 15 tahun stabilkan industri jagung bijian



PADANG BESAR: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menjangkakan tempoh 15 tahun diperlukan untuk menstabilkan industri penanaman jagung bijian untuk dijadikan makanan ternakan alternatif kepada dedak dalam usaha mengawal kenaikan harga ayam dan telur ayam di negara ini.

Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) MAFI, Datuk Badrul Hisham Mohd, berkata makanan untuk ayam merangkumi 70 peratus daripada keperluan modal

keseluruhan yang lazimnya dilaburkan ke dalam industri penghasilan makanan industri penternakan.

"Dalam kos kasar penternakan ayam, kira-kira 70 peratus atau RM1.70 adalah peruntukan untuk makanannya. Kos lain amat kurang, jadi sebab itu kita perlu lihat dulu apa kaedah yang boleh dilakukan untuk menyelesaikan isu membabitkan 70 peratus itu.

"Oleh itu, industri ini (penanaman jagung bijian) sedang kita bina. Soal tempoh sebenarnya bergantung kepada kebersediaan petani, berapa banyak pengeluaran kita dan kualiti produk yang kita hasilkan kerana cabaran di situ banyak.

"Kita bukan sahaja menghasilkan input, tetapi kita hendak memastikan kualiti input itu memenuhi kehendak pasaran serta industri," katanya kepada pemberita selepas Program Walkabout Penuaian Jagung Bijian di Lembah Chuping, di sini hari ini.

Terdapat tujuh varieti jagung bijian ditanam di 10 ladang seluruh Malaysia ketika ini, iaitu GWG 111, GWG 888, GWG 5006, P 4546, KWS 8933, Pasific 339 dan Goldconda709.

Jagung bijian adalah bahan utama dalam rumusan makanan haiwan iaitu sekitar 50 hingga 60 peratus. Secara keseluruhan, Malaysia mengimport 4.01 juta tan makanan ternakan pada 2020 bernilai RM6.15 bilion, dengan separuh daripadanya membabitkan dua juta tan jagung bijian bernilai RM1.73 bilion.

Badrul Hisham berkata, agensi seperti Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Jabatan Pertanian, JPV dan lain-lain sedang melihat keseluruhan aspek terbabit.

"Disebabkan itu juga, jangkaan tempoh 15 tahun itu adalah bagi memastikan kestabilan industri penanaman jagung bijian. Tempoh satu atau dua tahun sememangnya tidak cukup dalam pelaksanaan rancangan ini kerana kita perlu melihat dari seluruh sudut rantai nilai itu," katanya.

Apabila kestabilan industri berkenaan mula menampakkan hasilnya, katanya, kerajaan dapat menjadikan penanaman jagung bijian sebagai salah satu daripada pembangunan pertanian negara.

"Dalam hal ini, prosesnya agak panjang kerana kita hendak pastikan segalanya selamat dan setiap pelabur industri ini mendapat rujukan yang betul, prosedur operasi standard (SOP) yang jelas dan boleh menanam (jagung bijian) dari proses A hingga Z tanpa masalah sepanjang rantai nilai itu.

"Jika dilihat bahan dedak itu sebenarnya terdiri daripada jagung bijian dan kacang soya serta lain-lain campuran. Sebab itu kita fokus kepada bahan utama, iaitu jagung supaya kita boleh selesaikan masalah utama.

"Sekiranya langkah ini berjalan dengan lancar dan baik seperti yang dijalankan hari ini, ia dapat membantu dalam permasalahan (isu kenaikan harga ayam) pada waktu ini," katanya.

Beliau berkata, berdasarkan hasil sebanyak 5.8 tan jagung bijian bagi satu hektar tanah ladang yang dicapai di Malaysia ketika ini, ia dilihat sebagai sangat baik.

"Di Thailand juga, pengeluarannya sekitar jumlah berkenaan. Kita merancang sehingga 2030, keseluruhan ladang jagung bijian di negara ini mampu mengeluarkan 10 hingga 12 tan sekiranya petani menjalankan penanaman menggunakan cara dan teknologi yang betul.

"Ini sekali gus dapat mengurangkan kebergantungan kepada bekalan makanan yang diimport dan akan dapat menstabilkan pasaran, sekali gus mengelak kenaikan harga jualan (ayam)," katanya.

BH hari ini melaporkan Malaysia menyasar mengeluarkan 600,000 tan jagung bijirin untuk makanan ternakan dalam tempoh 10 tahun lagi, sekali gus mengurangkan 30 peratus daripada pergantungan import.

Susulan usaha ini, ia dijangka berupaya mengawal harga ayam dan telur apabila penternak tempatan sering menggunakan alasan bahawa antara faktor kenaikan harga adalah disebabkan harga makanan ternakan yang melambung.

Ketua Pengarah Jabatan Pertanian, Datuk Zahimi Hassan dilaporkan berkata, berkata sasaran itu mampu dicapai melalui projek penanaman jagung bijian di kawasan seluas 50,000 hektar secara berfasa bermula tahun depan.

Ketika ini, Malaysia mengimport hampir 100 peratus jagung bijian atau kira-kira dua juta tan setahun dari negara seperti Argentina, Brazil dan Amerika Syarikat (AS).

Krisis bekalan dan kenaikan harga ayam serta telur sering berlaku di negara ini sehingga pelbagai pihak mendesak agar kerajaan segera menanganinya kerana ia membabitkan isu keselamatan makanan penduduk.

Secara purata, keperluan ayam di Malaysia adalah 2.09 juta ekor sehari atau 62.9 juta ayam sebulan. Penternak tempatan pula kebelakangan ini didapati mengurangkan pengeluaran ayam bagi mengelak kerugian akibat peningkatan kos operasi, yang disumbangkan oleh peningkatan ketara harga dedak.

Pengerusi Persatuan Penternak Manjung, Tan Wooi Perng sebelum ini berkata, penternak berdepan kenaikan harga makanan ayam setiap bulan dengan keseluruhan RM33 dalam tempoh dua tahun, selain kekangan tenaga kerja asing di ladang ternakan dan kos bekalan elektrik bagi reban sistem tertutup.

Harga dedak ayam meningkat sejak pandemik COVID-19 daripada RM80 satu beg menjadi RM120 hingga RM125 bergantung kepada kuantiti dan jenama. Seekor ayam seberat dua kilogram (kg) memerlukan 4kg makanan bagi tempoh 35 hari mencapai tempoh matang untuk dijual.

Jabatan Pertanian mula melaksanakan penanaman jagung bijian bagi makanan haiwan melalui projek rintis sejak 2018 hingga tahun ini. Sehingga kini, kawasan seluas 280 hektar tanaman jagung bijian di Perlis, Kedah, Pahang, Perak dan Sarawak dibuka dengan pembabitan kira-kira 50 usahawan tani dan syarikat swasta.

Pada tahun ini, selain meneruskan penanaman jagung bijian ini di kawasan sedia ada, jabatan itu juga membuka kawasan baharu, manakala tahun depan akan memasuki fasa pengukuhan dan menuju ke arah usaha untuk menghasilkan 30 peratus keperluan jagung bijian dalam negara.

Ia termasuk dalam blueprint Industri Jagung Bijian Negara yang mempunyai tiga fasa iaitu Fasa 1: Projek Rintis (2018 hingga 2022), Fasa 2: Fasa Pengukuhan (2023 hingga 2027) dan Fasa 3: Fasa Pengembangan (2028 hingga 2032).



Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) MAFI, Datuk Badrul Hisham Mohd (tiga dari kanan) melihat jagung bijian ditanam di Lembah Chuping, Perlis, hari ini. - NSTP/LUQMAN HAKIM ZUBIR

Industri jagung bijian dijangka stabil dalam tempoh 15 tahun

MAFI mahu pastikan kualiti tanaman dijadikan dedak ayam penuh kehendak pasaran, industri

Oleh Aizat Shafiq
bhnews@bh.com.my

Padang Besar: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menjangkakan tempoh 15 tahun diperlukan bagi menstabilkan industri penanaman jagung bijian untuk dijadikan makanan ternakan alternatif kepada dedak dalam usaha mengawal kenaikan harga ayam dan telur ayam di negara ini.

Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) MAFI, Datuk Badrul Hisham Mohd, berkata makanan untuk ayam merangkumi 70 peratus daripada keperluan modal keseluruhan yang lazimnya dilaburkan ke dalam industri penghasilan makanan industri penternakan.

"Dalam kos kasar penternakan ayam, kira-kira 70 peratus atau RM1.70 adalah peruntukan untuk makanannya. Kos lain amat kurang, jadi sebab itu kita perlu lihat dulu apa kaedah yang boleh dilakukan untuk menyelesaikan isu membabitkan 70 peratus itu.

"Oleh itu, industri ini (penanaman jagung bijian) sedang kita bina. Soal tempoh sebenarnya bergantung kepada keberesediaan petani, berapa banyak pengeluaran kita dan kualiti produk yang kita hasilkan kerana cabaran di situ banyak.

"Kita bukan sahaja menghasilkan input, tetapi hendak memastikan kualiti input itu memenuhi kehendak pasaran serta pemberita," katanya kepada pemberita selepas Program Walkabout Penuaian Jagung Bijian di Lembah Chuping, di sini, semalam.

Terdapat tujuh varieti jagung bijian ditanam di 10 ladang seluruh Malaysia ketika ini, iaitu GWG 111, GWG 888, GWG 5006, P 4546, KWS 8933, Pacific 399 dan Goldconda 709.

Jagung bijian adalah bahan utama dalam rumusan makanan haiwan iaitu sekitar 60 hingga 60 peratus. Secara keseluruhan, Malaysia mengimport 4.01 juta tan makanan ternakan pada 2020 bernilai RM6.15 bilion dengan separuh daripadanya membabitkan dua juta tan jagung bijian bernilai RM1.73 bilion.

Badrul Hisham berkata, agensi seperti Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Jabatan Pertanian, JPV dan lain-lain sedang melihat keseluruhan aspek terbabit.

"Disebabkan itu juga, jangkaan tempoh 15 tahun itu bagi memastikan kestabilan industri penanaman jagung bijian. Tempoh satu atau dua tahun memang tidak cukup dalam pelaksanaan rancangan ini kerana kita perlu melihat dari seluruh sudut rantaian nilai itu," katanya.

Apabila kestabilan industri itu mula menampakkan hasil, katanya, kerajaan dapat menjadikan penanaman jagung bijian sebagai salah satu daripada pembangunan pertanian negara.

"Dalam hal ini, prosesnya agak panjang kerana kita hendak pastikan segalanya selamat dan setiap pelabur industri ini mendapat rujukan yang betul, prosedur operasi standard (SOP) yang jelas dan boleh menanam (jagung bijian) daripada proses A hingga Z tanpa masalah sepanjang rantaian nilai itu.

"Jika dilihat bahan dedak itu sebenarnya terdiri daripada jagung bijian dan kacang soya serta lain-lain campuran. Sebab itu kita fokus kepada bahan utama, iaitu jagung supaya kita boleh selesaikan masalah utama.

"Sekiranya langkah ini berjalan lancar dan baik seperti yang dijangkakan hari ini, ia dapat membantu dalam permasalahan (isu kenaikan harga ayam) pada waktu ini," katanya.

Beliau berkata, berdasarkan hasil 5.6 tan jagung bijian bagi satu hektar tanah ladang yang dicapai di Malaysia ketika ini, ia dilihat sebagai sangat baik.

"Di Thailand juga, pengeluarannya sekitar jumlah berkenaan. Kita merancang sehingga 2030, keseluruhan ladang jagung bijian di negara ini mampu mengeluarkan 10 hingga 12 tan sekiranya petani menjalankan penanaman menggunakan cara dan teknologi yang betul.

"Ini sekali gus dapat mengurangkan kebergantungan kepada bekalan makanan diimport dan dapat menstabilkan pasaran, sekali gus mengelak kenaikan harga jualan (ayam)," katanya.

BH semalam melaporkan Malaysia menasjar mengeluarkan 600,000 tan jagung bijirin untuk makanan ternakan dalam tempoh 10 tahun lagi, sekali gus mengurangkan 30 peratus daripada pergantungan import.

Susulan usaha ini, ia dijangka berupaya mengawal harga ayam dan telur apabila penternak tempatan sering menggunakan alatan bahawa antara faktor kenai-



Badrul Hisham (tiga dari kanan) melihat ladang jagung pada Program Walkabout Penuaian Jagung Bijian di Lembah Chuping, Perlis, semalam. (Foto Luqman Hakim Zubir/BH)



kan harga disebabkan harga makanan ternakan melambung.

Ketua Pengarah Jabatan Pertanian, Datuk Zahimi Hassan dilaporkan berkata, berkata sasaran itu mampu dicapai melalui projek penanaman jagung bijian di kawasan 50,000 hektar secara berfasa mula tahun depan.

Ketika ini, Malaysia mengimport hampir 100 peratus jagung bijian atau kira-kira dua juta tan setahun dari negara seperti Argentina, Brazil dan Amerika Syarikat (AS).

Krisis bekalan dan kenaikan harga ayam serta telur sering berlaku di negara ini sehingga pelbagai pihak mendesak kerajaan segera menangannya kerana ia membabitkan isu keselamatan makanan penduduk.

Secara purata, keperluan ayam di Malaysia adalah 2.09 juta ekor sehari atau 62.9 juta ayam sebulan.

Penternak tempatan pula kebelakangan ini didapati mengurangkan pengeluaran ayam bagi mengelak kerugian akibat peningkatan kos operasi yang disumbangkan oleh peningkatan ketara harga dedak.

Pengerusi Persatuan Penternak Manjung, Tan Wool Perng sebelum ini berkata, penternak berdepan kenaikan harga makanan ayam setiap bulan dengan keseluruhan RM33 dalam tem-

poh dua tahun, selain kekangan tenaga kerja asing di ladang ternakan dan kos bekalan elektrik bagi beban sistem tertutup.

Harga dedak ayam meningkat sejak pandemik COVID-19 daripada RM80 satu beg menjadi RM120 hingga RM125 bergantung kepada kuantiti dan jenama. Sekor ayam seberat dua kilogram (kg) memerlukan 4kg makanan bagi tempoh 35 hari mencapai tempoh matang untuk dijual.

Jabatan Pertanian melaksanakan penanaman jagung bijian bagi makanan haiwan melalui projek rintis sejak 2018.

Sehingga kini, kawasan 280 hektar tanaman jagung bijian di Perlis, Kedah, Pahang, Perak dan

Sarawak dibuka dengan pembantuan kira-kira 50 usahawan tani dan syarikat swasta.

Pada tahun ini, selain meneruskan penanaman jagung bijian ini di kawasan sedia ada, jabatan itu membuka kawasan baharu, manakala tahun depan akan memasuki fasa pengukuhan dan menuju ke arah usaha untuk menghasilkan 30 peratus keperluan jagung bijian dalam negara.

Ia termasuk dalam *blueprint* Industri Jagung Bijian Negara yang mempunyai tiga fasa iaitu Fasa 1: Projek Rintis (2018 hingga 2022), Fasa 2: Fasa Pengukuhan (2023 hingga 2027) dan Fasa 3: Fasa Pengembangan (2028 hingga 2032).

Subsidi buat 2,255 penternak ayam

Kerajaan sedia RM528j pastikan bekalan ayam, telur mencukupi

Oleh Mohd Amin Jalil
am@hmetro.com.my

Rembau

Seramai 2,255 penternak ayam di negara ini tidak harus melepaskan peluang memohon subsidi kerajaan membabitkan peruntukan sebanyak RM528.52 juta.

Ketika ini Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sudah mempermudah prosedur permohonan di peringkat negeri dan ibu pejabat bagi mempercepatkan pembayaran subsidi kepada penternak ayam.

Menterinya Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, prosedur permohonan dan semakan yang dilaksanakan di tiga peringkat sebelum ini iaitu daerah, negeri dan ibu pejabat dikurangkan kepada satu peringkat sahaja iaitu di peringkat negeri.

Menurutnya, hanya kelulusan bayaran dilakukan di peringkat ibu pejabat.

Katanya, bayaran subsidi yang diluluskan dikreditkan ke dalam akaun penternak

yang berjaya dalam masa tiga hari sahaja.

"MAFI komited untuk memastikan pemberian subsidi ini dilaksanakan dengan kadar segera dengan mematuhi syarat-syarat ditetapkan agar dapat memberi manfaat kepada penternak," katanya dalam satu kenyataan selepas melawat kilang pemprosesan ayam di sini, semalam.

Lawatan itu bertujuan bagi melihat kelangsungan operasi di kilang-kilang ayam bagi memastikan pemprosesan dan pembungkusan ayam berjalan lancar untuk memenuhi keperluan tempatan.

Turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (Pembangunan) Mazlan Othman dan Setiausaha Bahagian Sekuriti Makanan, Dr Suratan Kamarudin.

Dr Ronald berkata, penternak hanya perlu mengemukakan borang permohonan dan dokumen sokongan.

Bellau ber-

kata, dokumen diperlukan adalah invois jualan, pesanan penghantaran (*Delivery Order*) pembelian anak ayam dan salinan perjanjian kontrak antara integrator dan penternak kontrak (sekiranya berkaitan), bagi menuntut subsidi.

Katanya, borang permohonan subsidi boleh diperoleh dari laman web rasmi Jabatan Perkhidmatan Veterinar, www.dvs.gov.my.

"MAFI terus komited memastikan industri ayam dan telur kekal mampan dan kembali beroperasi dalam skala penuh khususnya dengan pemberian subsidi oleh kerajaan untuk pengeluaran bermula 5 Februari 2022 hingga 5 Jun 2022 ini.

"Pelaksanaan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) adalah bagi meringankan beban penternak sekali gus memastikan bekalan ayam dan telur dalam pasaran sentiasa men-

cukupi pada harga stabil dan berpatutan," katanya.

Menurut Dr Ronald, sebanyak RM528.52 juta disediakan kerajaan untuk pemberian subsidi kepada penternak ayam dengan kadar pemberian subsidi setakat ini adalah sebanyak RM0.60/kg bagi ayam pedaging dan RM0.05/biji bagi telur semua kategori.

Katanya, ia membabitkan penternak persendirian, penternak integrator / semi-integrator dan juga penternak kontrak dengan anggaran seramai 2,255 orang penternak menikmati subsidi berkenaan.

"Pemberian subsidi kepada penternak ayam ini adalah intervensi sementara dalam menangani kos pengeluaran yang meningkat dan pada masa sama untuk menjamin bekalan ayam kekal stabil serta memastikan rakyat dapat menikmati harga ayam dan telur yang berpatutan.



MAFI komited memastikan industri ayam dan telur kekal mampan dengan bantuan subsidi kepada penternak.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/5/2022	HARAKAH	KELANTAN KITA	23



MAJLIS RAYA. Adun Gaal Ustaz Mohd Rodzi Jaafar mengadakan majlis Hari Raya Aidilfitri pada 4 Syawal. Hadir sama anggota parlimen Pasir Puteh Dato' Dr Nik Zawawi Salleh, anggota Exco dan wakil-wakil rakyat tempatan.

RASAI BERITA SEBENAR

Metro

Harian

RUMAH SEMBELIHAN LANGGAR SYARAT HALAL

BATALAP

Kerajaan boleh membatalkan permit import (AP) kepada syarikat pengimport daging jika didapati menggunakan khidmat rumah sembelihan yang tidak mematuhi prosedur penyembelihan di Australia. Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) serta Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) menghantar pegawai ke negara itu untuk menjalankan pemeriksaan di rumah sembelihan yang berdaftar setiap dua tahun.

Lapor Ekhwan Haque Fazlul Haque dan Samadi Ahma

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/5/2022	HARIAN METRO	LOKAL	8

Batal permit AP jika tak patuh prosedur

Kuala Lumpur: Pembatalan permit import (AP) boleh dikenakan kepada syarikat pengimport daging jika didapati menggunakan khidmat rumah sembelihan tidak patuhi prosedur penyembelihan di Australia.

Jurucakap Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) berkata, jabatan itu bersama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) adalah agensi yang mengawal selia proses penyembelihan ruminan berkenaan di luar negara supaya mematuhi prosedur dan syariah.

Katanya, untuk tujuan itu, JPV dan Jakim akan menghantar pegawai ke Australia untuk menjalankan pemeriksaan di rumah penyembelihan yang didaftarkan setiap dua tahun.

“Di JPV kami mahu pastikan haiwan yang disembelih bebas penyakit dan daging yang diproses se-

lamat sebelum dibawa masuk ke pasaran Malaysia.

“Manakala Jakim akan memantau dari segi prosedur penyembelihan supaya patuh syariah dan syarat halal sembelihan. Jika berlaku pelanggaran prosedur, tindakan membatalkan permit dikenakan kepada syarikat pengimport daging itu,” katanya kepada Harian Metro.

Sementara itu, Jakim dalam kenyataan memaklumkan jabatan itu bersedia bertemu dengan pihak yang mempunyai bukti kukuh mengenai isu ini demi kepentingan semua.

Ketua Pengarahnya, Datuk Hakimah Mohd Yusoff berkata, siasatan berhubung dakwaan ini dijalankan Pegawai Atase Halal Jakim di Australia dan pihak berkuasa Jabatan Pertanian, Air dan Alam Sekitar Australia.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/5/2022	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

Runtuhan ban Mada beri kesan keselamatan makanan negara



MUHAMAD SANUSI MD. NOR

ALOR SETAR: [Runtuhan ban](#) di Terusan Tengah milik Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) dekat Struktur Alor Limpah, Sungai Santap di Pelubang di sini, Isnin lalu akan turut memberi kesan terhadap keselamatan makanan negara sekiranya tidak diperbaiki segera.

Menteri Besar, Datuk Seri Muhamamad Sanusi Md. Nor berkata, kerosakan yang berlaku itu jika dibiarkan akan menjejaskan penanaman padi di kawasan seluas 47,000 relung atau 13,350 hektar yang selama ini menghasilkan sebanyak 66,750 tan padi.

Justeru, katanya, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bersama Majlis Keselamatan Negara (MKN) perlu turut memberi perhatian terhadap perkara tersebut agar struktur baharu yang dibina nanti akan lebih kukuh dan kemas serta sesuai dengan keperluan pertanian supaya kejadian sama tidak berulang.

“Sekarang, musim untuk air masuk ke sawah dan kejadian itu kini menyebabkan air tidak dapat masuk ke sawah di kawasan tertentu. Jika proses baik pulih tidak dibuat dalam tempoh dua minggu akan datang, sawah-sawah seluas 13,350 hektar ini akan terjejas.

“Jumlah petani terlibat adalah seramai 40,000 orang dan pengeluaran padi sebanyak 66,750 tan juga mungkin akan terjejas.

“Ini membabitkan soal keselamatan makanan dan disebabkan itu, MAFI serta MKN perlu beri perhatian terhadap isu ini kerana kos untuk membina struktur lebih kukuh dan kemas untuk pertanian, jauh lebih tinggi berbanding anggaran awal pembaikan biasa yang menelan belanja antara RM1.5 hingga RM1.8 juta,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Exco di Wisma Darul Aman di sini, hari ini.

Dalam kejadian kira-kira pukul 12.15 tengah hari, struktur ban tersebut runtuh hingga menyebabkan air mentah di Terusan Tengah tersebut berkurangan, sekali gus mengakibatkan lebih 30,000 akaun Syarikat Air Darul Aman (SADA) mengalami masalah gangguan bekalan air.

Mengulas lanjut, Muhammad Sanusi berkata, usaha yang dijalankan ketika ini lebih tertumpu kepada langkah untuk meningkatkan air di Terusan Tengah kembali ke paras mencukup bagi membolehkan Loji Rawatan Air (LRA) terjejas dapat kembali beroperasi sekali gus mengatasi masalah bekalan air di kawasan terlibat.

Selepas semua itu diselesaikan, katanya, usaha akan ditumpukan pula kepada langkah untuk mengepam air ke sawah padi bagi tujuan pertanian.

“Kerajaan negeri berharap isu ini diberi perhatian oleh pihak MAFI dan MKN agar dapat diselesaikan segera. Berkenaan bekalan air yang terjejas pula, setakat ini keseluruhannya masih terdapat 38,500 akaun pengguna yang terjejas.

“Ini kerana LRA Pokok Sena masih belum beroperasi disebabkan insiden yang berlaku manakala LRA Jenun Lama pula hanya beroperasi pada kapasiti 70 peratus disebabkan masalah sistem elektrik dalam. Masalah itu dijangka dapat diselesaikan secara berperingkat tidak lama lagi,” katanya. –

UTUSAN ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/5/2022	THE MALAYSIAN INSIGHT	ONLINE	

Ban runtuh boleh jejas keselamatan makanan negara, kata MB Kedah



KEMENTERIAN Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) serta Majlis Keselamatan Negara (MKN) diminta supaya memberi perhatian kepada isu runtuh ban di Terusan Tengah milik Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) pada Isnin lepas, kerana ia akan memberi kesan kepada jaminan keselamatan makanan negara.

Menteri Besar Kedah Muhammad Sanusi Md Nor berkata sekiranya runtuh ban itu tidak diperbaiki segera, ia akan menjejaskan penanaman padi di kawasan seluas 47,000 relong atau 13,350 hektar yang menghasilkan 66,750 tan padi.

12/5/2022

SINAR
HARIANNEGERI
KEDAH

25

13,350 hektar sawah padi terancam

Paras air terus susut jika runtuhannya tidak dibaiki pada kadar segera

Oleh NURUL HIDAYAH HAMID

ALOR SETAR

Kira-kira 13,350 hektar sawah padi dikhuatiri terjejas sekiranya runtuhannya dan kerosakan Terusan Tengah di Sungai Santap di sini pada kadar segera.

Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor melahirkannya kebingungan penyusutan paras air akan terus berlaku selagi pembalakan semula tidak dilaksana.

“Jadi, saya mohon kejadian runtuhannya ini diberi perhatian

juga oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan Majlis Keselamatan Negara.

“Paras air akan menyusut selagi runtuhannya tidak dibaiki, sekiranya akan menjejaskan 13,350 hektar sawah padi,” katanya.

Beliau berkata sedemikian kepada pemberita pada sidang akhbar selepas Mesyuarat Exco Kedah di Wisma Darul Aman, dekat sini pada Rabu.

Muhammad Sanusi berkata, seramai 40,000 petani dengan pengeluaran hasil padi mencecah puluhan ribu tan dikhuatiri terjejas akibat runtuhannya dan kerosakan.

Beliau menjelaskan, kerja membina sekatan sementara bagi meningkatkan paras satu meter (m) air hanya untuk air Syarikat Air Darul Aman (SADA), manakala untuk sawah padi melibatkan kerja pembalakan lain.

“Jadi, kos baik sekitar RM1.5 hingga RM1.8 juta. Itu anggaran awal,” katanya.



Keadaan runtuhannya dan terusan tengah di Sungai Santap yang menyebabkan gangguan bekalan air di beberapa daerah di Kedah.

Menurut beliau, agensi terlibat melakukan pelaksanaan projek kerja pembalakan semula dan runtuh dengan struktur lebih kukus, kemas dan tinggi.

“Jadi, MAFI dan MKN perlu melihat isu ini kerana ia melibatkan keselamatan makanan negara, lagipun 13,350 hektar sawah padi ini merupakan satu per tiga daripada kawasan

Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA),” katanya.

Ujar beliau, kerja membelat dilakukan pada Selasa untuk limpahan air masuk ke terusan tengah pada paras yang membenarkan Loji Rawatan Air (LRA) beroperasi.

“Selepas itu, kita perlu usahakan supaya air boleh dipam masuk ke sawah padi pula,”

katanya.

Kerja-kerja pembaikan dan tegas beliau, perlu siap dalam tempoh dua minggu bagi mengelakkan tiada sawah padi yang terjejas.

“Jika kita tidak baik dalam tempoh berkenaan, mungkin padi akan rosak. Jadi, kena perbaiki dalam masa sebelum dua minggu,” katanya.

Runtuhan Ban MADA dibaiki segera, kos RM1.8 juta

POKOK SENNA: Runtuhan Ban Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di terusan tengah Padang Luar, Pelubang akan segera diperbaiki agar Loji Rawatan Air (LRA) yang terlibat dapat beroperasi seperti sediakala.

Menteri Besar, Dato' Muhammad Sanusi Md Nor berkata, terusan berkenaan merupakan sumber utama Syarikat Air Darul Aman (SADA) untuk beberapa LRA antaranya di Pokok Sena, Jenun Baharu dan Jenun Lama.

"Setakat pagi ini hanya LRA di Pokok Sena sahaja yang terpaksa ditutup manakala di Jenun Lama dan Jenun Baharu masih beroperasi seperti biasa.

"Sungguhpun begitu, pengguna di sekitar Alor Sefar, Gurun dan Yan diminta menghadkan penggunaan air kerana tidak tahu LRA yang beroperasi sekarang dapat bertahan berapa lama," kata beliau pada sidang media ketika melawat kerja-kerja pembaikan di lokasi kejadian, Rampung

Lubuk Batu, Selasa lalu.

Menurutnya lagi, untuk permulaan ini, kerja-kerja membelat aliran sungai dijalankan untuk meningkatkan paras air agar dapat dilepaskan ke semua LRA yang terlibat membolehkan ia beroperasi seperti biasa.

"Sekiranya kerja-kerja membelat sungai dapat disiapkan esok (Rabu), MADA akan lepaskan air yang sedang ditakung di Pelubang untuk penuhkan semula terusan ini," ujarinya lagi.

Maklum beliau, paras air perlu berada pada ketinggian 4.9 meter untuk membolehkan LRA beroperasi.

Dalam perkembangan yang sama, tambahnya, kerja-kerja membelat sungai menelan kos sebanyak RM300,000 manakala sehingga RM1.8 juta diperlukan untuk pembaikan ban yang runtuh.

Sungguhpun begitu, pihaknya akan berusaha sebaiknya untuk memastikan kerosakan itu dapat diperbaiki segera.

Sementara SADA menye-



Menteri Besar, Dato' Seri Muhammad Sanusi Md Nor, diberi penerangan berkenaan kerja-kerja pembaikan insiden berlakunya runtuhan ban MADA, Isnin lalu. Turut hadir Exco kerajaan negeri, Dato' Suraya Yakkob (kiri).

diakan tiga jumbo tanker dan beberapa lori kecil untuk penghantaran bekalan air ke 13,500 rumah di Pokok Sena yang terjejas akibat insiden itu.

Dalam masa yang sama syarikat air itu juga menyediakan tangki statik untuk memudahkan pengguna yang terjejas mendapatkan bekalan air.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/5/2022	HARIAN METRO	BISNES	21

Agrobank modenkan sistem perbankan

Kuala Lumpur: Agrobank bekerjasama dengan IBM Malaysia untuk memodenkan sistem perbankannya dengan sistem berasaskan IBM Power untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada sektor pertanian, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta komuniti.

IBM Power direka khusus untuk beban kerja paling intensif, gabungan ketersediaan, keselamatan dan fleksibiliti penggunaan awan hibrid.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, kerjasama dengan IBM tepat pada masanya.

Katanya, sebagai peneraju dalam pembiayaan pertanian dan perbankan pengantaraan berasaskan nilai (VBI) di Malaysia, Agrobank menerima teknologi baharu dalam usahanya terus mendahului pembiayaan pertanian dan menyediakan kemudahan terbaik untuk pe-

langgan.

"Pelaksanaan sistem perbankan teras baharu membolehkan Agrobank meningkatkan kestabilan, keselamatan, daya tahan operasi dan mengurangkan 50 peratus daripada keseluruhan masa dan pengurusan pemprosesan perniagaan.

"Hasilnya, bank itu meningkatkan kepuasan pelanggan di 192 lokasi di seluruh Malaysia dan Agrobank yakin dengan cara transformasi digital," katanya.

Harga dedak naik lagi, penternak terus terhimpit

SEREMBAN: Golongan penternak semakin terhimpit berikutan harga dedak makanan ternakan meningkat sejak cuti Aidilfitri lalu.

Seorang pengusaha ternakan ayam kampung di Tanjung Ipoh, Kuala Pilah, Oun Mohamad, 62, berkata, harga dedak diperolehnya kini mencecah RM2.80 sekilogram minggu lalu berbanding RM2.60 sebelum Aidilfitri.

“Kenaikan harga dedak ini nampaknya naik sedikit demi sedikit berbanding RM2 sekilogram yang pernah kami terima sebelum ini. Kerajaan perlu mengambil tindakan segera jika tidak kesannya terus menghimpit penternak kecil-kecilan seperti saya.

“Penternak besar mungkin tidak terkesan sangat dengan kenaikan harga dedak ini kerana mereka mengimport makanan ternakan tersebut dengan jumlah yang besar dan untuk kegunaan mereka sendiri sahaja.

“Jika alasan kerajaan harga bahan mentah juga semakin meningkat, mereka mesti fikirkan cara untuk meningkat-

kan tanaman dan pengeluaran bahan mentah seperti jagung bijirin dan rumput napier dalam negara,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* semalam.

Sementara itu, seorang pengusaha ternakan lembu dan kambing di Linggi, Port Dickson, Saifan Ahmad, 35, berkata, harga dedak untuk ternakannya juga meningkat.

Menurutnya, harga dedak keluaran sebuah syarikat di utara kini meningkat RM2.50 bagi setiap satu beg 50 kilogram menjadikan harga jualanannya kini mencecah sehingga RM75 berbanding sekitar RM60 sebelum ini.

“Golongan penternak sudah tentu kecewa dalam isu kenaikan harga dedak, ketika harga daging kerajaan boleh kawal supaya tidak melambung namun punca mengapa ia jadi begitu kerajaan masih tidak dapat menyelesaikannya.

“Harga makanan ternakan yang semakin meningkat menyebabkan penternak terpaksa menanggung peningkatan kos operasi, itu isunya sekarang,” jelasnya.



OUN Mohamad yang mengusahakan ternakan ayam kampung asli di Kampung Solok Mura, Tanjung Ipoh, Kuala Pilah turut mengakui terkesan dengan kenaikan harga dedak ketika ini. - UTUSAN/ MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN

12/5/2022

KOSMO

NEGARA

16

Sawi dijual RM7 sekilogram berbanding RM4.80 sebelum ini

Harga sayur naik melambung

Oleh NOOR HASLIZA NUSI

GEORGE TOWN - Kenaikan harga sayur-sayuran hijau di negeri ini dikatakan hanya melibatkan barangan bukan dalam senarai barangan kawalan iaitu sawi yang dijual sehingga RM7 sekilogram ketika ini.

Seorang peniaga sayur di pasar awam Bayan Baru, Izam Abd Hamid, 42, berkata, kenaikan harga sawi sekitar RM2.50 sekilogram dikatakan berlaku ketika musim perayaan Aidilfitri. Jelasnya, pada Ramadan lalu harga jualan sawi bagi peringkat peruncit dipasarkan pada RM4.80 sekilogram.

"Tetapi hari ini (semalam) naik hingga RM7. Saya baru mula nak berniaga lepas cuti hari raya. Kenaikan harga baharu sawi bukan tersenarai dalam harga kawalan kerajaan.

"Pemborong menetapkan pada harga RM4.80 sekilogram, sama dengan harga runcit pada Ramadan lalu.

"Kami peniaga terpaksa menjual pada harga RM6.50 hingga RM7 sekilogram ketika ini. Pemborong juga memberi alasan



IZAM-menimbang sayur yang dijual di gerainya di Pasar Awam Bayan Baru di George Town semalam.

cuaca hujan memberi kesan kepada pengeluarannya," katanya kepada Kosmo di sini semalam.

Jelasnya lagi, sayur-sayur se-

perti cili merah, tomato, kacang panjang, terung panjang, ubi kentang import (China), bawang merah besar dan halia import masih

kekak dalam harga kawalan.

Semalam Kosmo melaporkan di peniaga di pasar awam Melaka dan Pulau Pinang mengeluh



KERATAN Kosmo: semalam.

sayur hijau dan sawi naik mendadak sejak Jumaat lalu.

Di Melaka pula, sawi bunga didakwa naik sehingga RM10 sekilogram.

Dalam pada itu, seorang lagi peniaga sayur di pasar awam daerah Barat Daya di sini yang mahu dikenali Rahimah, 47, berkata, harga sayur-sayuran didapati mengalami kenaikan selepas Aidilfitri.

"Saya dimaklumkan pemborong hari ini (semalam) tentang perubahan harga yang mungkin lebih tinggi berbanding sebelum sambutan hari raya.

"Mereka (pemborong) meminta kami bersedia sebarang kemungkinan berlaku selepas ini," jelasnya.

Tambahnya, dijangka sayur lain juga akan naik harga.

39TH IN GLOBAL FOOD SECURITY INDEX

Create interconnected food chains

MALAYSIA is ranked 39th in the Global Food Security Index 2021 by the Economist Intelligence Unit, far behind the United Kingdom (3rd), Finland (4th), Netherlands (6th), Japan (8th), the United States (9th), Singapore (15th), Qatar (24th) and Kuwait (30th).

Despite recording a slight improvement from an overall score of 68 in 2020 to 70.1 in 2021, the country scored "availability" and "natural resources and resilience" dimensions poorly — at 64 and 46.6, respectively.

For "affordability" and "quality and safety", Malaysia scored 85.6 and 76.3, respectively.

They point to Malaysia's longstanding structural problems in terms of import dependency and balance of payments (BoP) deficit for food items.

Our BoP deficit continues to be aggravated by markups from cost-push inflation that in turn worsens the cost of doing business and cost of living.

Russia is Malaysia's third top trading partner in the import of "mineral or chemical fertilisers and phosphatic" at US\$4.77 billion, a share of 16.2 per cent. Western sanctions on Russia



AMANDA YEO

have led to a shortage of fertilisers worldwide, increasing the cost of animal feed and crops in Malaysia.

Livestock breeders and farmers had to charge retailers and consumers higher prices to compensate for the rising cost of feed ingredients, such as corn, soybeans and wheat, aside from the minimum wage increment of RM300 a month per employee from May 1.

To deal with the food price inflation effectively, Emir Research recommends:

- The Agriculture and Food Industries Ministry (Mafi), together with the Malaysian Agricultural Research and Development Institute, Federal Agricultural Marketing Agency, Pertubuhan Peladang Kawasan, the private sector and non-governmental or-

ganisations, should incentivise quality investments in the agricultural sector.

There must be stronger collaboration and joint ventures to enhance food security and safeguard food prices against future shocks, reducing the risk of the cost of living being amplified in the long run.

- Empower small-scale farmers with tax incentives and generous credit (soft loans at zero-interest rate) and grants to improve their soil through applications like the Internet of Things, Big Data and artificial intelligence, aside from specialised training courses covering aspects of soil management, climate change, pest and water management.

Banks, with Mafi as the lead or key shareholder, should be formed specifically to fund smart farming.

- Encourage intercropping of oil palm with banana, cassava or pineapple in existing plantations. It would reduce fertiliser and herbicide use besides diversifying agricultural plantations dominated by palm oil, rubber and cocoa.

Mafi, the Entrepreneur Development and Cooperatives and Youth and Sports ministries



People buying food at the Chow Kit market in Kuala Lumpur. To deal with food price inflation effectively, we should focus on high-quality vegetables, fruits, animal proteins and fish farmed locally. FILE PIC

could craft training programmes and develop financial incentives targeted at youth involvement in the agricultural sector, who make up only 15 per cent of farmers in Malaysia.

The cross-ministerial effort would be helpful in attracting a younger generation of entrepreneurs.

- Limit issuance of approved permits for imported products to certain categories of food that have a high self-sufficiency ratio.

In other words, liberalise our importation system for food to ensure a level playing field, and tackle monopolies and oligopolies.

- Expand domestic production of organic fertilisers and feedstock using oil palm biomass and waste, such as fronds, leaves and kernel meal.

- Utilise idle land and abandoned buildings to grow food

crops, employing hydroponic, indoor and vertical farming technologies. Converting empty spaces into farms would encourage food production and reduce greenhouse gas emissions.

We should adopt Singapore's approach to food security, increasing the ratio of food supplied by 2030 via urban farming.

- Focus on high-quality vegetables, fruits, animal proteins and fish farmed locally. This would generate higher value-added activities and a spillover effect in the food supply chain.

Our vision of food security should be based on creating interconnected food chains within the ecosystem, helping every Malaysian to buy high-quality food and enjoy sufficient nutritious food daily.

The writer is research analyst at Emir Research